

04 APR 1998

Affifuddin - Kontraktor

KERAJAAN TERUSKAN PROJEK PEMBANGUNAN KECIL UNTUK BANTU KONTRAKTOR

PULAU PINANG, 4 April (Bernama) -- Kerajaan akan meneruskan projek-projek pembangunan kecil perumahan kos rendah dan infrastruktur bagi membantu kontraktor daripada terus terjejas akibat kegawatan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Haji Omar hari ini berkata, masalah ekonomi yang dihadapi negara menyebabkan pelaksanaan projek-projek mega ditangguhkan.

"Dengan adanya projek kecil-kecilan itu, kontraktor yang bergantung kepada projek-projek kerajaan dapat dibantu supaya tidak gulung tikar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) cawangan Pulau Pinang kali ke-22 di sini.

Beliau berkata, kerajaan tidak banyak memotong projek-projek yang melibatkan kebajikan rakyat, dengan itu kontraktor boleh mendapat manfaat daripada projek tersebut.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden PKMM, Haji Roslan Awang Chik bahawa kontraktor merupakan golongan yang paling terjejas berikutan pembatalan banyak projek pembangunan.

Menurut maklumat awal daripada 620 soal selidik yang dilakukan oleh PKMM, sebanyak 10 peratus daripada 180 anggota persatuan itu berada di ambang "gulung tikar", manakala 31 peratus lagi hanya mampu bertahan antara tiga hingga enam bulan, bagaimanapun soal selidik itu belum lengkap sepenuhnya.

Affifuddin berkata, beberapa ahli korporat di negara ini telah mematuhi saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menjual aset mereka di luar negara dan menyimpan wang itu di negara ini.

Beliau berkata, setakat ini kira-kira RM20,000 juta wang rakyat negara ini disimpan dalam sistem perbankan di Singapura dan kerajaan memberi kelonggaran untuk tidak mengenakan cukai pendapatan kepada mana-mana rakyat yang menjual aset mereka di luar negara dan menyimpan wang yang diperolehi di negara ini. -- BERNAMA

ZU RI